

26 OCT 2002

Abdullah-Dasar/I

DASAR-DASAR SEDIA ADA DIKEKALKAN, KATA ABDULLAH

Oleh: Mohd Arshi Daud

LOS CABOS (MEXICO), 26 Okt (Bernama) -- Dasar-dasar yang telah membawa Malaysia menikmati kemakmuran ekonominya masa kini, yang dilaksanakan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan diteruskan, kata timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah, yang akan mengambil alih kepimpinan negara apabila Dr Mahathir bersara pada Oktober tahun depan, berkata: "Tentu sekali ia akan diteruskan, tidak ada sebab mengapa ia perlu diubah-ubah."

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau telah memberikan jaminan itu kepada kira-kira 40 pegawai dari Kerjasama Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) dalam satu pertemuan pada Jumaat.

Bercakap kepada wartawan Malaysia kemudian, Abdullah berkata pendekatan pro-perniagaan di bawah konsep Persyarikatan Malaysia akan diperluaskan kerana ia telah membawa kepada penghasilan kerjasama yang berjaya antara sektor awam dan swasta.

Di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia telah berjaya diubah menjadi negara membangun yang maju daripada negara berasaskan komoditi yang bergantung khusus kepada timah dan getah pada tahun kemerdekaan 1957.

Abdullah juga memberitahu para pegawai PBEC bahawa Malaysia ialah negara yang stabil dan selamat untuk dilabur dan ia tidak akan bertolak ansur dengan sebarang perbuatan ekstremisme sama ada perkauman, keagamaan atau ideologi.

PBEC ialah sebuah persatuan pemimpin kanan perniagaan antarabangsa yang mewakili lebih 1,100 syarikat korporat utama di Pasifik, yang merangkumi lebih AS\$4 trilion (AS\$1=RM3.8) dalam jualan global dan mempunyai lebih 10 juta pekerja.

Ia juga merupakan forum dengan para pemimpin perniagaan boleh mewujudkan hubungan perniagaan yang baru, bertukar-tukar pendapat dengan pegawai kerajaan serta membuat cadangan-cadangan perniagaan yang penting.

Dalam menangani persaingan pembukaan dan tarikan pasaran China kepada para pelabur asing berikutan kos buruhnya yang rendah, Abdullah memberitahu para pegawai PBEC itu bahawa Malaysia telah memperelokkan program ekonominya dengan memberi tumpuan kepada produk-produk nilai tambah serta mengenal pasti pasaran-pasaran utama.

Perhatian juga akan diberikan kepada bidang bioteknologi di mana Malaysia mewah dengan sumber biokepelbagaian, katanya.

Pada sidang berita itu, Abdullah juga ditanya mengenai penerimaan pemimpin antarabangsa terhadapnya berikutan peralihan kepimpinan Malaysia tahun depan.

"Mereka sentiasa mengucapkan tahniah kepada saya. Saya bukannya orang asing. Saya tidak ada masalah untuk bercerita tentang diri saya," katanya.

--BERNAMA

MAD NN NAK